



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6202 3446
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

No. Ruj.: MITI.600-7/7/44 JLD.2 (20)

Tarikh : 21 April 2020

Kepada Sesiapa yang Berkenaan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

PANDANGAN DAN INPUT DARIPADA PIHAK SWASTA BAGI KAJIAN BLUEPRINT SEKTOR PERKHIDMATAN BAHARU 2021 - 2025

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan (SSDD) sedang menjalankan satu kajian untuk membangunkan Blueprint Sektor Perkhidmatan Baharu (*New Services Sector Blueprint - New SSB*) bagi tempoh 2021 - 2025.

3. SSB Baharu ini adalah kesinambungan kepada SSB sedia ada yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 dan bakal tamat pada tahun 2020. Justeru, kajian ini bertujuan menyediakan sebuah dokumen yang merangkumi rangka kerja komprehensif melibatkan strategi dan pelan tindakan untuk memacu pembangunan sektor perkhidmatan Malaysia selepas tahun 2020.

4. Bagi tujuan ini, syarikat Ernst & Young Advisory Services Sdn. Bhd. (EY), sebagai perunding yang dilantik untuk menjalankan kajian tersebut, ingin mengaturkan sesi bengkel bersama syarikat swasta dan persatuan industri perkhidmatan terpilih bagi tujuan:

- mengesahkan penemuan awal daripada analisis ke atas sektor perkhidmatan di Malaysia yang dibuat melalui pemerhatian, hipotesis, dan penyelidikan awal; dan
- membincangkan cadangan awal berkaitan dasar, strategi dan pelan tindakan yang dapat membantu meningkatkan lagi pertumbuhan sektor perkhidmatan di Malaysia.

5. Dalam hal ini, suacita dicadangkan supaya wakil syarikat memilih tarikh yang paling sesuai antara **5 hingga 13 Mei 2020** selama **2 jam 30 minit** untuk melaksanakan sesi bengkel ini **secara atas talian sahaja**, memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih lagi berkuatkuasa sehingga 12 Mei 2020 dan sebarang aktiviti secara berkumpulan masih tidak dibenarkan.

6. Segala kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dalam memberi kerjasama kepada pihak Ernst & Young untuk menjalankan sesi bengkel tersebut adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAVI CK RAMAN)

Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri